



Headline: Suri rumah diperdaya RM2.4j
Publication/Portal: Kosmo
Date: 17 August 2020

Language: Malay
Section: Negara
Page: 9

Wang mangsa dipindahkan ke 23 akaun individu tidak dikenali

Suri rumah diperdaya RM2.4j

Oleh NUR HUDA MUSA

KUALA LUMPUR – Seorang suri rumah kerugian RM2.4 juta selepas terpedaya dengan sindiket Macau Scam pada April lalu.

Mangsa berusia 60 tahun dikatakan menerima panggilan telefon daripada Telekom Malaysia yang mengatakan dirinya mempunyai tunggakan bil.

Ketua Polis Daerah Serdang, Asisten Komisioner Ismadi Borhan berkata, mangsa kemudiannya disambungkan ke Balai Polis Kuantan untuk pemeriksaan.

“Mangsa kemudian diberitahu terlibat dalam kegiatan pengedaran kad kredit palsu dan pengubahan wang haram.

“Mangsa yang takut dengan ugutan suspek mengikuti arahan suspek yang mengarahkannya memindahkan wang simpanan berjumlah RM2.4 juta ke beberapa akaun,” katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Ismadi berkata, mangsa diarahkan untuk membuka satu akaun baharu di RHB Bank sebelum suspek memindahkan semua wang dari bank tersebut



ISMADI

ke 23 akaun bank milik individu yang tidak dikenali.

“Segala ciri keselamatan akaun bank itu juga diberikan kepada suspek kononnya untuk memudahkan siasatan.

“Mangsa hanya menyedari dirinya ditipu pada 12 Ogos lalu apabila suspek menghubungi pengadu untuk membuat pindahan wang ke akaun yang lain dan mengugut pihak polis akan melakukan tangkapan sekira-



ORANG ramai masih terpedaya dengan sindiket Macau Scam walaupun pihak polis telah melakukan pelbagai tangkapan dan serbuan.

– GAMBAR HIASAN

nya mangsa gagal memberi kerjasama,” katanya.

Ismadi berkata, masyarakat dinasihatkan jangan panik de-

ngan panggilan sebegitu dan sebaiknya terus hubungi pihak yang berkaitan bagi membuat pengesahan lanjut.

Kes penipuan Macau Scam

- 6 Ogos 2020 - Seorang eksekutif senior wanita di Seremban berputih mata apabila simpanannya hanya tinggal RM102.50 selepas wang RM419,012 di dalam empat akaun bank lesap diperdaya sindiket Macau Scam pada Mei lalu.
- 5 Ogos 2020 - Remaja lelaki 14 tahun di Kuantan, Pahang dipercayai diperdaya sindiket Love Scam sehingga sanggup menyerahkan wang RM295,950 menerusi 21 transaksi.
- 27 Julai 2020 - Seorang pesara guru wanita berusia 71 tahun di Petaling Jaya kerugian RM1.07 juta selepas dipercayai menjadi mangsa penipuan sindiket Macau Scam pada Mei lalu.
- 21 Julai 2020 - Seorang jururawat kerugian RM227,000 selepas menjadi mangsa sindiket penipuan Macau Scam yang menyamar sebagai anggota polis dalam kejadian di Kuala Terengganu, Terengganu.
- 13 Januari 2020 - Seorang warga emas di Batu Gajah, Perak berputih mata apabila wang berjumlah RM256,368 hasil simpanan tetap dan pemberian anak sejak 20 tahun lalu lesap selepas ditipu sindiket Macau Scam.